

Syarikat Malaysia punca jerebu kena tindakan: PM

Pemilik ladang diminta ambil tanggungjawab padam kebakaran

Oleh Wan Faizal Ismayatim
dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap syarikat perladangan Malaysia di Indonesia yang terbabit dalam pembakaran terbuka sehingga menyebabkan jerebu, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, syarikat terbabit perlu mengambil tanggungjawab untuk memadamkan kebakaran di ladang mereka.

“Kabinet hari ini (semalam) ada bincang mengenai jerebu. Kita juga mahu mengambil tindakan terhadap syarikat Malaysia yang ada estet di luar negara yang menyumbang kepada jerebu hasil pembakaran estet itu.

“Kita akan minta mereka turut ambil tindakan padamkan api. Jika syarikat Malaysia itu tidak mahu ambil tindakan, kerajaan mungkin gubal undang-undang supaya mereka bertanggungjawab sekiranya membuat pembakaran terbuka di tanah (ladang) mereka walaupun ia di luar Malaysia,” katanya.

Jumaat lalu, Menteri Alam Se-

kitar Indonesia, Siti Nurbaya Bakar dilaporkan berkata, empat syarikat dari Malaysia sebagai punca kebakaran hutan di negara itu yang menyebabkan keadaan berjerebu di rantau ini.

Beliau menamakan Sime Indo Agro berpangkalan di Kalimantan Barat, anak syarikat Sime Darby Plantations; Sukses Karya Sawit milik IOI Corporation; Rafi Kamajaya Abadi, unit TDM Berhad dan Adei Plantation & Industry berpangkalan di Riau, milik Kuala Lumpur Kepong Group.

Perdana Menteri yang ditemui pemberita selepas majlis pelancaran Kerangka Dasar Luar Negara Malaysia Baharu di sini semalam, berkata jerebu berlaku hampir setiap tahun dan kerajaan harus mencari cara yang terbaik menangani masalah berkenaan.

“Antaranya adalah menerusi pembenihan awan, minta rakyat berada dalam rumah dan tutup sekolah, ini pendekatan yang kita sudah ambil. Kita perlu cari cara untuk kurangkan jerebu menerusi cara kita sendiri, mungkin boleh sembur air di tempat tertentu untuk kurangkan jerebu,” katanya.

Ditanya sama ada perlu sekolah seluruh negara ditutup, Perdana Menteri berkata, ia tidak boleh dilaksanakan kerana kesan jerebu berbeza di setiap tempat.

“Mengikut laporan (paras jerebu) pada pagi ini (semalam), kita semua akan pindah ke Ke-

dah dengan Perlis sebab tidak ada jerebu,” kata Dr Mahathir berseloroh.

Ditanya sama ada beliau sudah menulis surat kepada Presiden Indonesia, Joko Widodo mengenai isu jerebu, Dr Mahathir berkata, perkara itu belum dilakukan.

“Namun, ini (masalah jerebu) sudah dibangkitkan pihak kita kepada menteri Indonesia, tetapi mereka kata jerebu adalah dari Malaysia bukan Indonesia. Jadi, kita terutama agensi kerajaan perlu buat hebahan yang kerap, keluarkan imej satelit yang menunjukkan lokasi tompok panas,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador ketika ditemui pemberita selepas majlis sama berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersedia membantu Jabatan Alam Sekitar (JAS) menangani aktiviti pembakaran terbuka di negara ini.

“Kita bersedia membantu JAS jika ada permintaan menangani pembakaran terbuka,” katanya merujuk larangan pembakaran terbuka di seluruh negara sehingga Monsun Barat Daya berakhir berikutan jerebu teruk melanda sejak 5 September.

Ketua Pengarah JAS, Norlin Jaafar dilaporkan berkata, larangan berkuat kuasa 11 September lalu itu dikesualikan bagi pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring).